

Mahathir seru ahli UMNO siap sedia hadapi pilihanraya umum

ALUR SETAR 15 Nov.

— Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan apa yang dipanggil "Gerak gempur ke arah pilihanraya" yang dihadiri oleh kira - kira 1,500 orang pemimpin UMNO bahagian dan cawangan - cawangan Negeri Kedah dengan menyeru ahli - ahli UMNO supaya mengutamakan perpaduan dan sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Sejurus selepas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Haji Sanusi Junid, Menteri Kewangan Encik Daim Zainuddin juga selaku Bendahari UMNO dan Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff turut menghadiri perjumpaan tersebut yang difahamkan akan diadakan di seluruh negara.

"Kita perlu meningkatkan lagi perjuangan kepada mereka bukan ahli - ahli UMNO supaya menyertai UMNO," tegasnya ketika diminta mengulas mengenai persediaan untuk menghadapi pilihanraya akan datang.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri perjumpaan tertutup kira - kira dua jam di Bangunan Tunku di sini, Presiden UMNO itu berkata parti tersebut sanggup menerima lebih banyak lagi ahli - ahli walaupun keahlian UMNO sekarang melebihi sejuta orang.

Mengulas mengenai pilihanraya, Pengerusi Barisan Nasional itu menyatakan pilihanraya akan diadakan sebelum April 1987: "Apa nak gaduh sangat pasal pilihanraya, kita banyak masa lagi, lebih satu tahun."

Menurutnya, dalam perjumpaan tersebut beliau telah menekankan kepada pemimpin - pemimpin UMNO mengenai masalah perpaduan di dalam parti di mana "musuh utama orang - orang Melayu yang ketat sekali ialah orang - orang Melayu sendiri."

Perdana Menteri berkata, bila ada badan yang begitu kuat bagi menjaga kepentingan orang - orang Melayu, ada orang - orang Melayu nak serang UMNO.